

14/04/2001

Hormati undang-undang (HL)

Kadir Dikoh; Jamhariah Jaafar; Nurul Hazren Masitom; Azman Mahmood
KUALA SELANGOR, Jumaat - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, hari ini meminta semua pihak supaya menghormati undang-undang dan jangan mengadakan demonstrasi yang boleh menjejaskan kepentingan orang ramai.

Perdana Menteri berkata, apabila undang-undang tidak dihormati, maka masing-masing bertindak mengikut kekuatan, melakukan apa saja kerana tidak menghiraukan undang-undang.

"Kadang-kadang pihak yang menguatkuasakan undang-undang dikecam kononnya mencabul hak asasi manusia. Dalam menjalankan tugas, pihak berkuasa terpaksa menggunakan kekerasan jika mereka yang mencabul undang-undang juga gunakan kekerasan.

"Sebab itulah apabila kita lihat kadang-kadang pihak polis terpaksa gunakan kekerasan sikit, janganlah kita anggap ini pencabulan hak asasi manusia," katanya pada majlis Mesra Rakyat di Stadium Tertutup Kompleks Sukan Kuala Selangor, di sini petang ini.

Majlis itu dihadiri lebih 5,000 orang, termasuk pegawai dan kakitangan kerajaan, pemimpin masyarakat dan ahli parti komponen Barisan Nasional (BN).

Terdahulu, Dr Mahathir yang juga Presiden Umno mengadakan pertemuan tertutup dengan Jawatankuasa Umno Bahagian Kuala Selangor dan Selayang di Kompleks Umno Bahagian Kuala Selangor.

Perdana Menteri berkata, kerajaan sedar ada pihak yang merancang melakukan rusuhan dengan menggunakan bahan letupan dan lain-lain untuk menggulingkan kerajaan.

"Kita tahu mereka telah pergi ke negara jiran dan memberitahu kawan mereka di sana bahawa mereka juga ingin membuat seperti di negara jiran ini, (di mana) jelas sekali rusuhan dilakukan mereka yang tidak bertanggungjawab untuk menggulingkan kerajaan.

"Inilah hasrat mereka yang kononnya menuntut keadilan atau menuntut demokrasi," katanya.

Akhbar semalam melaporkan, polis menahan tujuh aktivis reformasi mengikut Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA), Selasa dan Rabu lalu kerana merancang mempengaruhi rakyat membudayakan demonstrasi jalanan dan bertindak secara militan.

Mereka yang ditahan ialah Naib Presiden Keadilan, Chua Tiang Chang; Ketua Pemuda Keadilan, Mohd Ezam Mohd Noor; bekas aktivis pelajar, Hishamuddin Rais; bekas Presiden Pertubuhan Jemaah Islah Malaysia, Saari Sungib; dan Penolong Setiausaha Keadilan, N Gobalakrishnan.

Selain itu, polis menahan Ketua Koordinator Keadilan, Raja Petra Raja Kamarudin, dan Exco Pemuda Keadilan, Abdul Ghani Haroon.

Ketua Polis Negara, Tan Sri Norian Mai, dilaporkan berkata ketujuh-tujuh mereka, yang menyertai satu kumpulan dianggotai kira-kira 20 orang mengadakan 12 perjumpaan sulit antara 6 Januari hingga 4 April lalu bagi merancang perkara itu, termasuk menganjurkan demonstrasi jalanan yang dipanggil 'Black 14', esok.

Sementara itu di KOTA BHARU, Mursyidul Am Pas, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat, berkata Pas tidak bersetuju dengan demonstrasi jalanan yang boleh menjejaskan keharmonian hidup serta keamanan yang dinikmati rakyat.

Sehubungan itu, beliau yang juga Menteri Besar Kelantan berharap semua pihak memahami dan menghormati dasar negara yang mengamalkan demokrasi berparlimen.

"Tunjuk perasaan seperti itu adalah berlawanan dengan sistem demokrasi

yang sudah diamalkan sejak sekian lama," katanya selepas menyampaikan kuliah Jumaat di Pejabat Pas, di sini hari ini.

Bagaimanapun, Nik Aziz berkata Kerajaan Pusat sepatutnya memberi kebebasan bersuara kepada parti pembangkang supaya bertepatan dengan amalan sistem demokrasi.

Beliau berkata, adalah tidak bertepatan dengan sistem itu jika parti pembangkang tidak dibenarkan menunjuk perasaan dan pada masa sama tidak diberi kebebasan bersuara.

"Sebagai negara demokrasi, ruang nak bercakap (menyuarakan pendapat) itu mesti ada. Kalau tak ada juga ruang untuk bercakap, itu bukan demokrasi.

"Tutup peluang tak bagi bercakap, saya tak sokong juga (seperti demonstrasi jalanan). Demonstrasi (jalanan) kita marah, tapi peluang nak bercakap kita tutup... tak boleh," katanya.

Di SEREMBAN, Setiausaha Agung DAP, Kerk Kim Hock, berkata setakat ini tidak ada arahan daripada mana-mana pihak supaya DAP turut sama dalam perhimpunan esok.

Bagaimanapun, katanya, dua pemimpin parti berkenaan akan menyertai kumpulan anggota pembangkang dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) yang akan menyerahkan memorandum hak asasi manusia itu kepada Suhakam, esok.

"Sebagai Setiausaha Agung parti, saya tidak tahu mengenai rancangan mengadakan perhimpunan esok," katanya sambil menambah pemimpin DAP tidak akan menyertai sebarang demonstrasi jalanan.

Sementara itu, enam Ahli Parlimen pembangkang akan mengetuai kumpulan yang akan menyerahkan memorandum berkenaan kepada Suhakam, di Jalan Raja Laut di sini, esok.

Kumpulan berkenaan diketuai Presiden Keadilan, Datin Seri Wan Azizah Wan Ismail, yang juga Ahli Parlimen Permatang Pauh.

Lima lagi Ahli Parlimen ialah wakil Kemaman, Abdul Rahman Yusof (Keadilan), masing-masing dua wakil dari Pas dan DAP iaitu Datuk Kamaruddin Jaafar (Tumpat), Dr Syed Azman Syed Ahmad (Kuala Terengganu), Teresa Kok (Seputeh) dan Lim Hock Seng (Bagan).

Parti Rakyat Malaysia (PRM) pula akan diwakili Dr Syed Husin Ali dan Dr Sanusi Osman.

Ahli Suhakam, Datuk Lee Lam Thye, berkata Suhakam hanya membenarkan rombongan tidak lebih 10 orang anggota parti pembangkang dan NGO untuk menyerahkan memorandum berkenaan kepada badan itu.

Beliau berkata, pihaknya tidak akan bertanggungjawab jika jumlah yang berhimpun di jalan raya melebihi jangkaan.

"Apa yang berlaku di jalan raya (demonstrasi jalanan), adalah di luar kawalan Suhakam. Tetapi, kami sudah memaklumkan kepada pihak polis untuk bersedia menghadapi sebarang keadaan," katanya ketika ditemui, hari ini.

Memorandum itu dijangka diterima Timbalan Pengerusi Suhakam, Tan Sri Harun Hashim.

(END)